

BERITA HARIAN

DATE: 15/3/2008

# Pelaksanaan diperkemas

BH - 15/3/2008

## Perdana Menteri jamin wujud pengagihan saksama antara kaum

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau akan memberi penekanan sepenuhnya bagi memperbetulkan sistem pelaksanaan pemerintahan serta menjamin wujud pengagihan saksama antara kaum dalam usaha memastikan tidak ada lagi perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat.

Perdana Menteri percaya wujud hubung kait antara timbulnya perasaan tidak puas hati, terutama dalam pengagihan pelbagai kemudahan dan projek, dengan punca kurangnya sokongan rakyat terhadap Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum ke-12 yang baru berakhir.

"Dasar sudah kita tetapkan, projek mula dilaksanakan, atau sekurang-kurangnya dilancarkan untuk pelaksanaan, maka untuk empat lima tahun akan datang, yang akan saya beri perhatian ialah berkaitan pelaksanaan," katanya ketika temu bual dengan Bernama TV di kediaman rasminya, di Seri Perdana di sini, malam tadi.

Abdullah berkata demikian ketika ditanya mengapa sokongan rakyat, terutama kaum India, Cina dan Me-

layu terhadap BN dilihat menurun berdasarkan keputusan pilihan raya umum Sabtu lalu, berbanding pada pilihan raya umum sebelumnya.

Diminta mengulas keputusan pilihan raya yang baru lalu, Abdullah berkata, beliau menerima baik segala keputusan yang disifatkannya sebagai 'keputusan rakyat'.

"Saya akui bahawa keputusan yang kami peroleh itu jauh berbeza, merosot daripada keputusan 2004. Ia tentu sekali ada sebabnya dan yang utama sekali ialah rakyat hendak menyatakan kami tidak puas hati dalam empat tahun pemerintahan saya menjadi pemimpin kerajaan, dengan itu mereka mengkehendaki perubahan.

"Dengan itu, mana yang boleh saya laksanakan akan saya laksanakan...saya memahami apa yang menjadi kehendak rakyat. Mungkin dalam pelaksanaan itu ada kekurangan, kelemahan, kelewatan atau kurang keadilan dalam melaksanakan projek yang dijanjikan oleh kerajaan maka itu akan diperbetulkan," katanya.

Ditanya mengenai sokongan padu yang ditunjukkan pemimpin Umno dan parti komponen BN terhadap beliau selepas timbulnya desakan su-

paya beliau meletakkan jawatan, Abdullah berkata, beliau menghargai sokongan yang diberikan.

Mengakui bahawa walaupun sokongan yang diberikan rakyat kepada BN merosot berbanding yang diberikan pada 2004, tetapi Perdana Menteri menyifatkan majoriti yang diperoleh pada waktu ini sebagai satu majoriti yang kuat, apabila BN hanya kekurangan lapan kerusi untuk memperoleh 148 kerusi untuk majoriti dua pertiga.

Menyentuh mengenai pembentukan Kabinet yang bakal diumumkan, Abdullah menegaskan beliau tidak akan melantik semula menteri yang tewas pada pilihan raya kali ini.

Sebaliknya, beliau berkata, Kabinet baru akan dianggotai pemimpin yang berwibawa dan mampu melaksanakan apa yang dirancangan oleh kerajaan, merangkumi menteri daripada pelbagai kaum dan muka baru yang menang.

Ditanya mengenai pelaksanaan projek mega yang dirancang oleh kerajaan, Perdana Menteri berkata, projek itu akan diteruskan kerana ia adalah janji kerajaan kepada rakyat.

"Ia rancangan Kerajaan Perseku-

tuhan, kuasa Kerajaan Persekutuan meliputi semua negeri yang ada dalam Malaysia ini. Kita akan laksanakan apa yang dijanjikan sebab itu tanggungjawab kita untuk semua negeri...saya tidak akan tarik balik, sebaliknya akan dipastikan semua berjalan dengan baik, elok dan seperti yang diharapkan," katanya.

Sementara itu, Abdullah menggesa parti pembangkang supaya lebih bertanggungjawab apabila mengeluarkan kenyataan yang boleh menggugat hubungan baik antara kaum.

"Mereka mesti lebih bertanggungjawab apabila mengeluarkan kenyataan, jangan hanya membuat kenyataan untuk menjadi popular dengan kaum tertentu saja. Apa juga kenyataan mereka, mesti berhati-hati," katanya.

Abdullah menasihati pembangkang supaya tidak membenarkan mana-mana kaum rasa dipinggirkan jika mahu mengubah sebarang dasar.

Beliau mengulas tindakan pembangkang yang kini membangkitkan beberapa isu menyentuh perasaan sesetengah kaum seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan hak keistimewaan orang Melayu. - Bernama